

UNIVERSITI SAINS MALAYSIA

Peperiksaan Semester Kedua  
Sidang Akademik 1998/99

Februari 1999

ZCT 317/3 & ZCT 407/3 - Fizik Keadaan Pepejal II

Masa : [3 jam]

Sila pastikan bahawa kertas peperiksaan ini mengandungi TIGA muka surat yang bercetak sebelum anda memulakan peperiksaan ini.

Jawab kesemua LIMA soalan. Kesemuanya wajib dijawab dalam Bahasa Malaysia.

[ $m_e = 9.11 \times 10^{-31}$  kg,  $e = 1.6 \times 10^{-19}$  C]

1. (a) Terangkan bagaimana jalur tenaga elektron dihasilkan dalam bahan pepejal berdasarkan model penghampiran ikatan-ketat.

(50/100)

- (b) Permukaan Fermi bagi tenaga elektron dalam ruang-k pada tenaga rendah dapat dihampirkan sebagai suatu bulatan (dalam 2-D). Sekiranya sebilangan elektron tertentu mempunyai tenaga yang lebih tinggi, apakah bentuk perintukan Fermi yang terhasil (dalam 2-D) mengikut konsep jalur tenaga (bincangkan dengan bantuan lakaran yang sesuai dan merujuk kepada sistem elektron bagi kekisi kubos mudah).

(50/100)

2. (a) Jelaskan sebab-sebab fizikal mengapa elektron dalam jalur tenaga boleh berkelakuan seperti seolah-olah mempunyai jisim berbeza-beza. Terbitkan ungkapan jisim berkesan elektron dan nyatakan kepentingannya dari segi kelengkungan jalur tenaga. Adakah sebenarnya elektron mempunyai jisim yang berbeza?

(50/100)

- (b) Kerintangan elektrik suatu sampel kuprum ialah  $1.77 \times 10^{-8} \Omega\text{-m}$ . Dengan menggunakan konsep penghampiran elektron bebas, anggarkan:

- (i) masa di antara perlanggaran ( $\tau$ ) elektron  
(ii) halaju purata elektron dalam medan  $1 \times 10^2 \text{ Vm}^{-1}$

(Kuprum mempunyai kekisi fcc dengan panjang sisi kubos 3.61Å dan setiap atom menyumbang satu elektron kepada elektron hampir bebas).

(50/100)

...2/-

3. (a) Apakah yang dimaksudkan dengan medan magnet genting suatu superkonduktor dan perihalkan hubungan parameter ini terhadap suhu.

(20/100)

- (b) Dengan menggunakan hubungan am yang biasa, tunjukkan bahawa suatu bahan superkonduktor boleh dianggap sebagai mempunyai sifat suatu diamagnet sempurna.

(20/100)

- (c) Berdasarkan model dua-bendar bagi superkonduktor, anggarkan nilai ketumpatan elektron super bagi Hg pada OK jika kedalaman tembusan fluks pada 3.5K ialah 75 nm.

[Gunakan hubungan  $\frac{\lambda(T)}{\lambda(0)} = \left( \frac{1}{1 - (T/T_c)^4} \right)^{1/2}$ ,  $T_c = 4.15\text{K}$ ,  $\mu_0 = 1.26 \times 10^{-6} \text{ Hm}^{-1}$ ; simbol-simbol mempunyai makna yang biasa]

(60/100)

4. (a) Dengan menganggap medan tempatan ( $E_T$ ) diberi oleh:

$$E_T = E_o + \frac{P}{3\epsilon_o}$$

di mana  $E_o$  medan luar dan  $P$  pengkutuban, terbitkan hubungan

$$\epsilon_r - 1 = \frac{N\alpha_e}{3\epsilon_o} (\epsilon_r + 2);$$

simbol-simbol mempunyai makna yang biasa.

(40/100)

- (b) Suatu bahan hablur mempunyai  $\epsilon_r = 100$  pada frekuensi rendah. Dengan menganggap  $\epsilon_r$  ini adalah disebabkan oleh getaran ion-ion (dengan ketumpatan  $2 \times 10^{28} \text{ m}^{-3}$ ) terhadap kedudukan keseimbangan, anggarkan frekuensi  $\omega_o$  di mana berlakunya resonans.

[gunakan hubungan kekutuhan  $\alpha_e$  terhadap  $\epsilon_r$  dari bahagian (a) dan sesaran ion  $x_o$  pada frekuensi rendah diberi oleh:

$$x_o = \frac{e E_T}{m_i \omega_o^2};$$

...3/-

e cas elektron,  $m_i$ (jisim ion) =  $1.67 \times 10^{-27}$  kg,  
 $\alpha_e$  keikutuhan ion yang menghasilkan momen  $m = ex_o$ ,  
 $\epsilon_o = 8.85 \times 10^{-12} \text{ Fm}^{-1}$  ]

(60/100)

5. (a) Bagaimakah bahan-bahan magnet dikelaskan? Nyatakan dengan ringkas bagaimana sambutan diamagnet dan paramagnet dibawah pengaruh medan magnet.

(30/100)

- (b) Dengan menganggap hukum Curie adalah benar pada suhu  $T > T_c$ , terbitkan ungkapan untuk medan molekul  $B_E$  suatu bahan feromagnet dalam sebutan suhu Curie  $T_c$ , pemalar Curie C, pemagnetan M dan ketelapan vakum  $\mu_o$ .

(35/100)

- (c) Dengan mengambil  $C = (N\bar{m}^2\mu_o)/3k$  di mana N bilangan ion per unit isipadu bahan,  $\bar{m}$  momen magnet berkesan ( $\bar{m} = M/N$ ), k angkatap Boltzmann, kira medan molekul  $B_E$  dari bahagian (b) untuk besi yang mempunyai suhu Curie 1043K dan momen magnet berkesan  $2.2 \mu_B$  per ion.

$(\mu_B = 9.27 \times 10^{-24} \text{ JT}^{-1}, k = 1.38 \times 10^{-23} \text{ JK}^{-1})$

(35/100)

- oooOooo -